

Headline: **Set Makan tengah hari**  
Publication: Berita Harian  
Date of Publication: 25 August 2016  
Section heading: Jom Makan  
Page number: B9  
Byline / Author: Shaiful  
Outlet featured: Tanzini

---



## Set makan tengah hari

**Buat** penggemar pasta, restoran Tanzini di G Tower Kuala Lumpur mempromosikan set makan tengah hari merangkumi pembuka selera, hidangan utama berasaskan pasta dan pemanis mulut dengan harga berpatutan.

Rasai pengalaman makan menyeronokkan sambil menikmati pemandangan dari tingkat 28, dengan menghirup semangkuk sup cendawan berkrim sebagai pembuka selera.

Hidangan utama, tagliatelle boscaiola pasta diadun dengan ramuan cendawan eksklusif antaranya enoki, oyster, button white dan shimeji bersama sos berkrim.

Pilihan menu *ala carte* juga boleh didapati iaitu *Stuffed Chicken Breast* yang diisi bayam dan keju ricotta, dimasak secara perlahan memberikan tekstur ayam yang memuaskan.

Harga untuk set makan tengah hari ini bermula dari RM33 untuk dua hidangan, manakala RM44 untuk tiga hidangan. Untuk tempahan, hubungi 03-2168189.